

Oleh SYAHIDI BAKAR, MOHD. AZRAIE MD. YUSOF dan BADRUL HAFIZAN MAT ISA



SEORANG peserta sebak ketika bertanyakan soalan kepada salah seorang ahli panel, Donald Findlater pada Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!! di PWTC, Kuala Lumpur, semalam. – UTUSAN/  
FARID JANUDDIN



KETUA Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad berucap ketika menjadi moderator pada Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!! di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

## Bersama cegah jenayah seksual

■ KUALA LUMPUR 13 MAC

KES jenayah seksual melibatkan kanak-kanak perlu dibanteras sepenuhnya kerana kesannya sangat mendalam terhadap diri mangsa dan keluarga yang terlibat.

Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad berkata, penularan kes jenayah seksual memerlukan perhatian serta kerjasama semua pihak bagi menghalang dan mencegahnya daripada berlaku.

Beliau berkata, memandangkan undang-undang sedia ada masih belum mencukupi untuk

membela nasib mangsa jenayah seksual, maka sudah menjadi keperluan bagi pihak berwajib meneliti untuk menguatkuasa perundangan yang relevan dengan keperluan semasa.

“Rata-rata peserta yang mengambil bahagian dalam Perbincangan Kumpulan: Jom Bertindak bagi Kumpulan Agensi Kerajaan menunjukkan komitmen tinggi termasuk mengemukakan pelbagai pandangan bernas untuk diteliti secara lebih mendalam, malah ramai mengalirkan air mata mengenangkan nasib kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual.

“Selain perlunya penelitian mendalam undang-undang je-

nayah seksual sedia ada, kita semua termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat perlu komited bekerjasama secara strategik bagi memastikan setiap kes jenayah seksual mampu ditangani seteruinya melindungi kanak-kanak daripada terus menjadi mangsa,” katanya kepada pemberita selepas sesi Perbincangan Kumpulan Agensi Kerajaan dalam Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!! di Dewan Tun Hussien Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Seminar bertujuan meningkatkan kesedaran tentang jenayah seksual kanak-kanak dan cara

melindungi mereka daripada sebarang ancaman penjenayah.

Seminar dua hari itu dianjurkan bersama oleh Program Permata, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan.

Selain Sharifah Zarah bertindak sebagai moderator, sesi perbincangan penuh kondusif itu turut menampilkan barisan ahli panel berbilang teras termasuk wakil daripada Lucy Faithfull Foundation & Stop It Now United Kingdom, Donald Findlater, Ketua Pegawai Sektor Keselamatan Rangkaian dan Penguatkuasaan Suruhan-

jaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Zulkarnain Mohd Yasin dan Nurul Huda Nur Aini Mohd Nor dari Jabatan Peguam Negara.

Sharifah Zarah turut menyanjikan bahawa sudah sampai masanya setiap agensi berkaitan memerlukan pakar khusus bagi mengendalikannya kes jenayah seksual kanak-kanak memandangkan terdapat banyak kes gagal diselesaikan secara menyeluruh, sekaligus memberi tekanan mental terhadap mangsa dan keluarganya.

Zulkarnain pula berpendapat perlu ditubuhkan big data analitik yang menjadi pusat rujukan setempat bagi memudahkan lagi akses antara agensi kerajaan terlibat.